

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	8 SEPTEMBER 2016

Dr Mahathir digesa nyata pendirian jumpa Anwar

BH - 8/9/2016

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad perlu menjelaskan pendirian berhubung pertemuan dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim, supaya rakyat tidak terus mempersoalkan motif beliau bertindak demikian.

Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun, berkata rakyat terutama penyokong Dr Mahathir dan Anwar, berhak mengetahui sama ada bekas Perdana Menteri itu sudah bersedia menerima Anwar sebagai rakan politik atau hanya berniat meraih sokongan pembangkang.

Katanya, tindakan Dr Mahathir itu adalah strategi politik murahan dan mempunyai agenda tersirat untuk kepentingan peribadi, selain terbukti sebagai amalan politik bermatlamat menghalalkan cara yang bertentangan dengan agama.



Tindakan Dr Mahathir adalah strategi politik murahan dan mempunyai agenda tersirat untuk kepentingan peribadi”

Khairul Azwan Harun,
Naib Ketua Pemuda UMNO

“Perbuatan Dr Mahathir tidak secocok dengan statusnya sebagai negarawan. Ini amalan politik terdesak. Ternyata beliau sanggup menggunakan apa cara sekali pun termasuk mainan politik murahan,” katanya di sini, semalam.

Raih sokongan pembangkang
Khairul Azwan berkata, walau apa pun alasan Dr Mahathir bagi menemui Anwar, ia tetap dilihat sebagai mempunyai maksud tersirat dan tidak kurang yang mendakwa ia bertujuan meraih sokongan politik pembangkang.

“Saya juga mengenali ramai penyokong Anwar dan mereka kecewa dengan apa yang berlaku kerana sudah banyak berkorban jiwa dan raga termasuk harta benda bagi menyokong Anwar,” katanya.



Keratan akhbar BH semalam.